



Perjalanan penuh Ketabahan, Perubahan, dan Impak

RCCA Emelia Ezreen
Bekas Pengurus IT

Kebangkitan Amelia Menemui Tujuan Hidup

Dilahirkan di Kuala Lumpur dan dibesarkan di Hong Kong serta Tokyo mengikut jejak langkah ayahnya yang bertugas di luar negara, Amelia membesar sebagai seorang yang berdisiplin tinggi, mudah menyesuaikan diri, dan berfikir global. Namun, landskap kehidupannya berubah sepenuhnya apabila beliau memikul tanggungjawab sebagai ibu tunggal sambil mengemudi kerjaya korporat yang menuntut sepenuh perhatian.

Di sebalik jawatan yang gah dan pengalaman antarabangsa yang luas, realitinya Amelia sering keletihan, kesunyian, dan terbeban dengan tekanan untuk menyediakan keperluan hidup. Namun, apabila seorang sahabat memperkenalkan BE International kepadanya, beliau tidak berfikir panjang. Tanpa disangka, keputusan "ya" yang ringkas itu menjadi titik tolak yang mengubah segalanya.

Apabila Segalanya Hampir Ranap, Sinar Harapan Muncul

Sewaktu pandemik, Amelia terpaksa memberhentikan pasukannya sebagai pengurus O&G, satu keputusan berat yang meruntuhkan keyakinannya.

Di saat sukar itu, beliau mencuba AULORA Pants with KODENSHI® tanpa sebarang jangkaan. Hasilnya, berat badannya turun dan sakit lutut serta urat simpul ibunya pulih. Perubahan positif ini serta-merta mengembalikan harapan Amelia yang telah pudar.

Harapan.

Talian hayat.

Peluang kedua.

Ketika dunia lumpuh, BE pesat berkembang. Amelia sedar dia tidak mahu lagi menamatkan kerjaya orang lain, sebaliknya dia mahu membina semula kehidupan mereka.

Daripada Pendapatan Sampingan Kepada Kejayaan Luar Biasa

Pada mulanya, niat Amelia menyertai BE hanyalah untuk mencari duit poket tambahan di waktu yang tidak menentu. Namun, dalam hanya beberapa bulan, usaha separuh masanya telah menjana pendapatan lima angka. Tetapi, apa yang benar-benar menyentuh hatinya bukanlah wang ringgit, sebaliknya keikhlasan manusia di sekelilingnya.



Car Fund

Selepas waktu kerja, upline membimbingnya langkah demi langkah di luar pejabat. Mereka sanggup berjaga hingga tengah malam demi menyokong Amelia yang bekerja mengikut waktu luar negara.

Berbeza dengan dunia korporat yang mementingkan kuasa, di BE mengutamakan keikhlasan, menjadikan beliau akhirnya berasa benar-benar dihargai dan diterima.

Daripada Tekanan Korporat Kepada Kepimpinan Dari Hati

Kejayaan tidak datang bergolek. Amelia sudah terbiasa dengan dunia korporat yang dipacu oleh sasaran angka, arahan, dan hasil semata-mata. Beliau memimpin dengan cara beliau dilatih: dengan memberi tekanan.

Namun di BE, beliau cepat sedar bahawa manusia tidak berkembang melalui tekanan; mereka berkembang melalui dorongan. Melalui bimbingan mentor, beliau belajar untuk bertenang, mendengar dengan empati, dan memimpin dengan kasih sayang, bukan kawalan.

Apa yang bermula sebagai proses 'membuang tabiat lama', bertukar menjadi transformasi diri. Beliau berevolusi daripada seorang pengurus yang mengejar prestasi, kepada seorang pemimpin yang membangunkan potensi manusia.

Apabila Suaranya Kembali Didengari

Detik perubahan terbesar berlaku apabila syarikat mula mengiktiraf kepimpinannya. Pada tahun 2022, beliau terpilih sebagai penyampai di 'Star Award Nite', berbicara dengan penuh yakin di hadapan lebih seribu orang.

Pada tahun 2023, beliau melangkah lebih jauh sebagai penyampai di Global Leadership Conference (GLC), memberi inspirasi kepada pemimpin dari pelbagai negara. Beliau juga dijemput sebagai penceramah produk dan sistem di Indonesia, serta acara BES di Kuala Lumpur, Kota Bharu, dan Pulau Pinang.

Setiap pentas yang dijejak mengingatkan beliau kepada satu kebenaran yang pernah diraguiinya:

Suaranya didengari.
Ceritanya bermakna.
Perubahannya nyata.

Lompatan yang Penuh Keyakinan

Pada Oktober 2024, Amelia nekad meninggalkan dunia korporat demi fokus sepenuhnya kepada BE.



BAS Seminar bersama Network



Dengan disiplin yang tinggi, beliau mencapai gelaran RCCA seawal Januari 2025. Namun, kejayaan sebenar beliau adalah perubahan diri: daripada menandatangani surat pemberhentian pekerja, kini beliau membuka jalan kejayaan untuk orang lain.

Pemimpin yang Melahirkan Pemimpin

Kejayaan Amelia bukan diukur pada gelaran RCCA, tetapi kehidupan yang dibantunya. Kebanggaan terbesarnya ialah melihat empat downline mencapai RCCA, kerana itu bermakna beban keluarga diringankan dan keyakinan dipulihkan.

Seperti katanya, **"Kegembiraan terbesar saya bukanlah pada pangkat yang dicapai. Tetapi melihat betapa banyaknya kehidupan yang berubah kerana bisnes ini diduplikasi dengan kasih sayang."**

Amelia memilih BE International kerana budaya kasih sayang, integriti, dan bimbingan ikhlasnya, di mana sistem yang direka untuk memperkasakan orang ramai memastikan semua berkembang bersama.



Terpilih sebagai penyampai di Star Awards Nite

Sesi Pemerkasaan & Bimbingan bersama Upline dan Network



Kejayaan Bersulam Keikhlasan, Bukan Kesempurnaan

Amelia percaya bahawa kejayaan sebenar tidak dibina atas dasar kesempurnaan, bakat, atau pengalaman semata-mata, tetapi atas kesanggupan, konsistensi, dan hati yang ikhlas untuk membantu orang lain. Jika dahulu beliau terpaksa menutup periuk nasi orang lain, kini beliau membina semula kehidupan ramai insan, ini membuktikan bahawa apabila anda memimpin dengan keikhlasan dan tujuan yang jelas, kehidupan akan membuka pintu peluang yang tidak pernah anda bayangkan.